


TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD
JANOR**
NAIB CANSELOR UiTM

SEMPENA

**MAJLIS MAKAN MALAM DAN PERASMIAN
KARNIVAL SUKAN STAF UiTM (KARISTA) 2023**

6 MAC 2023 | ISNIN



Terima kasih saudara pengacara majlis;

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Merangkap Presiden PSKK UiTM

Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Mohd Ilham Bin Adenan

Rektor UiTM Cawangan Pahang serta Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Pahang

Yang Berbahagia Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said

Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Ahmad Redzuan Bin Haji Abd Rahman

Yang Berbahagia Rektor-rektor dari seluruh kampus cawangan

Pegawai-pegawai kanan UiTM

Para Ketua Kontinjen dan atlet-atlet KARiSTA

Serta tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

**[SALUTASI: KEMASKINI BERDASARKAN
KEHADIRAN]**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM di Hatiku.**

- 1. Alhamdulillah, syukur kita kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita sama-sama berkumpul pada malam ini sempena Perasmian Karnival Sukan Staf KARiSTA 2023.**

- 2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur khususnya UiTM Cawangan Pahang selaku tuan rumah**

serta sukarelawan yang terlibat bagi menjayakan kejohanan ini.

Hadirin yang dihormati,

3. Seperti mana semua maklum, kita akan bersama-sama berkampung bagi menjayakan kejohanan ini selama 7 hari bermula 3 Mac sehingga 9 Mac 2023. Saya percaya persediaaan rapi telah diadakan bermula sejak tahun lepas bagi memastikan agar kejohanan KARiSTA kali ini berjalan dengan lancar.

4. Melihat akan objektif utama kejohanan ini, ia bukanlah semata-mata untuk mencari kemenangan dan kejuaraan, namun kejohanan ini dilihat sebagai platform untuk memupuk semangat kerja berpasukan selain mengeratkan lagi silaturrahim antara warga UiTM Seluruh Malaysia.

5. Dua elemen penting ini iaitu kerjasama berpasukan dan *engagement* atau hubungan baik merupakan strategi paling ampuh yang boleh diterjemahkan dalam melaksanakan tugas sehari-hari yang diamanahkan kepada kita sebagai penjawat awam.

6. Alhamdulillah, pada tahun ini saya difahamkan sebanyak 17 acara sukan akan dipertandingkan. Pada masa yang sama seramai 2,800 orang yang terdiri daripada atlet, pegawai sukan, pengurusan dan sukarelawan berada di UiTM Pahang untuk bertanding dan menguruskan acara.

7. Ini merupakan satu jumlah yang besar dalam mempertaruhkan kepakaran dan perancangan startegi yang akan digunakan oleh setiap pasukan masing-masing demi mencapai objektif yang telah dirangka. Pada masa yang sama, saya berharap dengan penglibatan yang memberangsangkan ini, ia dapat memupuk semangat kesukuanan di antara kita di samping mencergaskan tubuh dan minda dalam bersukan.

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

8. Saya yakin dan percaya, setiap pasukan yang telah dan bakal bertanding ini telah pun membuat persiapan awal dengan tahap disiplin yang tinggi. Ini bermula dengan proses pemilihan atlet, sesi latihan sehingga

ke perancangan strategi. Semoga semua yang telah dipraktikkan ini dapat diaplikasikan dalam perkhidmatan kita di waktu pejabat agar ia dapat memberikan faedah yang berterusan kepada diri kita mahupun UiTM.

9. Kita semua sedar bahawa budaya bersukan dan gaya hidup sihat ini merupakan elemen penting dalam meningkatkan kualiti kesihatan kita. Sejajar dengan itu, dengan adanya kejohanan ini, ia juga dapat mengaplikasikan Matlamat Pembangunan Lestari atau SDG pada agenda matlamat ke-3 iaitu: kesihatan dan kesejahteraan.

10. Ini memberikan impak kesejahteraan secara holistik kepada kita dari segi, rohani,jasmani dan emosi intelek. Oleh itu, teruskan budaya sukan ini bukan hanya kepada diri sendiri malahan mendorong orang sekeliling kita untuk membudayakan aktiviti bersukan agar dapat menyumbang kepada produktiviti negara.

11. Saya berharap agar KARiSTA kali ini dapat berjalan lancar dengan penuh semangat kesukuan yang tinggi dalam kalangan atlet yang mengambil bahagian.

Kepada semua ahli jawatankuasa penganjur dan sukarelawan, selamat bertugas saya ucapkan. Buat atlet-atlet, saya ucapkan selamat maju jaya dan bertandinglah dengan semangat kesukanan yang tinggi.

12. Akhir kata, dengan lafaz Bismilahirrahmanirahim saya merasmikan **Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM 2023**.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.